

# Serbaneka

## Bahasa Arab di India

Jabatan Pelajaran India, telah mengambil keputusan menyediakan guru bahasa Arab pada tiap-tiap sekolah menengah, apakala sahaja ada 12 murid dalam darjah di situ yang memilih bahasa Arab untuk dipelajari.

India mempunyai 40 juta rakyat Islamnya.

## Nasihat . . . . .

Puan Peter Duncan, seorang penulis perempuan (Inggeris), telah mengarang sebuah buku yang bernama "*Bagaimana Awak Dapat Menjadi Seorang Isteri yang Terpendang Sebagai Contoh Utama?*"



Gambar menunjukkan "benih lelaki" setelah dibesarkan gambarnya beribu-ribu kali ganda.

setelah dua minggu sesudah bukunya itu

diterbitkan, ia pun menceraikan suaminya!

## Rakaman al-Qur'an untuk sekolah-sekolah

Jabatan Pelajaran Republik Arab Bersatu telah merakamkan bacaan al-Qur'an al-Karim di piring hitam dan membahagikan kepada sekolah-sekolah rendah, supaya dapat menolong membetulkan bacaan murid-murid.

## Talak di Amerika

Puan Roberton, di Amerika, telah meminta cerai kerana suaminya berdegil membaca akhbar paginya pada pukul 10 malam dan dengan suara yang lantang pula.

Hakim telah menjatuhkan hukum talak.

## Cara Penjajahan Perancis

Seorang penulis Perancis (Lomante namanya) telah menulis di dalam akhbar (*La Reforme*) setelah ia melawat Algeria, katanya:


"Pemerintah Perancis sedang membunuh kaum lelaki Algeria dengan peluru, dan kanak-kanaknya dengan kebuluran dan penyakit."

## "Taman Keamanan" di atas runtuhannya Hiroshima

Dalam tahun 1945, bandar Hiroshima di negeri Jepun telah dihancurkan oleh bom atom Amerika.

Dalam sebuah taman bunga di Hiroshima (namanya Taman Keamanan) telah didirikan sebuah pintu gerbang, di bawahnya terletak sebuah keranda batu berisi nama orang-orang yang telah terkorban dalam letupan bom atom itu.

Di tengah-tengah keranda yang tersebut tertulis dalam bahasa Jepun seperti berikut:



Lagi sebuah gambar yang menunjukkan “benih manusia” yang bakal mengembangkan zuriat anak-anak Adam. Di sebelah kanan ialah benih lelaki yang akan melahirkan anak perempuan, dan yang di sebelah kiri ialah benih lelaki juga yang akan melahirkan anak lelaki pula.

“Tidurlah kamu di dalam aman, kerana kesilapan itu tidak akan berulang selama-lamanya.”

Banyak di antara orang-orang Jepun yang membantah kata-kata itu. Bantahan yang pertama mengatakan: Sepatutnya kata-kata yang sedemikian bunyinya, tidak ditulis dalam bahasa Jepun kerana orang-orang Jepun tidak menggunakan bom atom itu, tetapi hendaklah ditulis dalam bahasa Inggeris (bahasa orang *American*).

Bantahan yang kedua pula tentang perkataan “kesilapan” kerana bom atom itu telah dijatuhkan oleh Amerika dengan sengaja bukan “tersilap”? Bahkan kejadian itu ialah satu perbuatan kejam yang tidak berperi kemanusiaan, yang telah membunuh 250,000 jiwa – lelaki,

perempuan dan kanak-kanak, dan mencederakan lebih daripada 150,000 orang.

Pihak yang membantah itu menghendaki supaya kata-kata itu ditulis dalam bahasa Inggeris dan dibetulkan susunannya seperti berikut:

*“Perbuatan yang kejam ini, tidak akan dilakukan sekali lagi!”*

#### **Markas kebudayaan Islam**

Republik Arab Bersatu telah membuka sebuah markas kebudayaan Islam di bandar Lahore – Pakistan. Sebelum itu kerajaan Kuwait (yang sedang diancam oleh Abdul Karim Qasim, diktator Iraq) telah mendirikan dua buah sekolah Arab di Pakistan.

- Abu Faisal